

22/10/2003

Perpaduan elak umat Islam ditindas

Nazura Ngah; Lokman Zainal Abidin; Hamid Salleh

KUALA TERENGGANU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, umat Islam perlu bersatu dan memiliki kekuatan yang mampu menggerunkan supaya tidak ditindas serta diperkotak-katikkan musuh Islam dan negara lain.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ia kerana sejarah menunjukkan bahawa penindasan terhadap penduduk Palestin membuktikan negara Islam tidak digeruni oleh musuhnya.

Katanya, umat Islam perlu memastikan mereka tidak menjadi umat yang lemah dan berpecah belah serta mengelak daripada berpuak-puak hanya disebabkan tafsiran berbeza mengenai Islam dan ajarannya.

"Kita sedang menghadapi cabaran alaf ke-21 ini di mana kita menghadapi cabaran sains dan teknologi serta perkembangan ekonomi yang kompleks dan rumit," katanya pada Majlis Perjumpaan Dengan Guru-guru Agama Terengganu, di Dewan Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu, di sini semalam.

Abdullah berkata, keadaan di Palestin amat menyedihkan dan menyayat hati kerana umat Islam tidak mempunyai kekuatan langsung untuk menjadikan negara Islam dan umat Islam ditakuti dan digeruni.

"Negara Islam sepatutnya tidak boleh diperolok-olokkan oleh orang lain. Sepatutnya tiada siapa yang berani buat kacau di negara Islam tetapi ini tidak berlaku kerana kekuatan yang menggerunkan dan mampu menakutkan kawan dan lawan tidak ada pada negara Islam waktu ini," katanya

Timbalan Perdana Menteri berkata, tidak ada satu pun negara Islam bertaraf negara maju yang mampu mencabar kuasa besar dunia dan yang malang kemiskinan banyak berlaku di negara Islam.

Bagaimanapun, katanya, Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya baru-baru ini sudah menampakkan sedikit kesedaran.

"Ketua ketua negara Islam yang berucap sudah menunjukkan semangat dan sikap positif yang dijangka mampu membawa kepada kebangkitan untuk membuat sesuatu dalam masyarakat Islam itu sendiri," katanya.

Beliau berkata, umat Islam tidak boleh leka dan menyalahkan takdir berikutan segala kelemahan dan kesengsaraan yang dihadapi kerana ia seolah-olah menuduh dan menyalahkan Tuhan.

Abdullah juga memberi jaminan tidak akan mengubah dasar negara yang diamalkan sekarang, meskipun sudah diberi mandat sepenuhnya untuk mentadbir negara selepas persaraan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dasar yang baik akan tetap diteruskan bagi memastikan Malaysia unggul sebagai antara negara Islam yang disegani dan dihormati," katanya.

Sementara itu, ketika meraikan tokoh agama Terengganu pada majlis makan tengah hari, Abdullah meminta Umno negeri menjalin kerjasama dengan mereka bagi mewujudkan muafakat yang boleh membawa kebaikan dalam perpaduan masyarakat.

Beliau berkata, hubungan yang bertambah erat dan baik bertujuan memastikan kerjasama dan muafakat perlu diteruskan.

"Pemimpin masyarakat dan tokoh agama perlu sama-sama bermuafakat supaya apa juga tugas dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan untuk membentuk masyarakat bersatu padu," katanya.